

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]
TARIKH : 09 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan polisi pelaksanaan 'windfall tax' ke atas sektor yang lain seperti pembuatan, di samping sektor komoditi seperti kelapa sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, levi keuntungan luar biasa dikenakan ke atas keuntungan yang melebihi nilai ambang tertentu. Bagi barangan siap pengguna, terdapat pelbagai jenis, standard, spesifikasi, serta gred yang berbeza-beza mengikut permintaan pasaran.

Oleh itu, adalah sukar untuk menentukan harga pasaran yang seragam bagi barangan siap pengguna dan menetapkan nilai ambang yang berkaitan. Ini juga berisiko menyebabkan isu ketidakadilan dari segi kadar levi yang akan dikenakan. Mengambil kira faktor-faktor ini, Kerajaan tidak berhasrat mengenakan levi keuntungan luar biasa ke atas sektor lain seperti pembuatan barangan siap pengguna, mahupun sektor perkhidmatan.

Walaupun hampir semua sektor ekonomi terjejas berikutan pandemik COVID-19, masih terdapat industri yang mengaut keuntungan luar biasa semasa krisis ini. Sehubungan itu, seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2022, syarikat yang menjana pendapatan melebihi 100 juta ringgit bagi tahun kewangan 2022 akan dikenakan Cukai Makmur.

Cukai ini akan dikenakan secara, dengan izin, *one-off* sahaja, dan **akan dikenakan di peringkat syarikat, dan bukan di peringkat pengeluaran akhir, atau barangan siap**. Hasil daripada cukai ini akan dibelanjakan bagi menyokong inisiatif Kerajaan dalam memperkukuhkan kedudukan kesihatan awam negara, dan memelihara kesejahteraan rakyat, terutamanya bagi mereka yang amat terjejas oleh pandemik ini.

Selain itu, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa syarikat korporat yang menyokong dan bersetuju bahawa bahawa Cukai Makmur ini akan membenarkan syarikat yang mempunyai asas kukuh untuk menyumbang kepada usaha Kerajaan. Pengenaan cukai khas ini juga tidak akan menjejaskan pembayaran dividen mereka.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan membentangkan Akta Tanggungjawab Fiskal pada 2022 di Dewan Yang Mulia ini dengan tujuan untuk meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan fiskal negara bagi memastikan kemampuan fiskal dan menyokong kestabilan ekonomi makro. Ini juga akan melihat pelaksanaan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) yang menggariskan pelaksanaan langkah hasil secara berperingkat, semakan semula perundangan cukai dan pemodenan pentadbiran hasil.

Selain itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan Semakan Perbelanjaan Awam, atau dengan izin, *Public Expenditure Review* dengan kerjasama Bank Dunia bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan awam tanpa menjejaskan sistem penyampaian awam. Ini akan meningkatkan produktiviti perbelanjaan awam bagi memastikan nilai faedah terbaik bagi setiap ringgit cukai yang dibayar oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.